



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana,
Off Jalan Semantan,
Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.

Hotline: 03-2080 4455
Portal Rasmi : www.ptptn.gov.my
Aduan: <http://icare.ptptn.gov.my>

**BORANG PERMOHONAN DAN AKUAN PENERIMA BIAYA BAGI PENGECUALIAN
BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN KERANA MENDAPAT IJAZAH SARJANA MUDA
DENGAN KEPUJIAN KELAS PERTAMA ATAU SETARAF DENGANNYA**

1. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan (PPN/ PPC) yang berhampiran. Senarai PPN/ PPC boleh dirujuk melalui Portal PTPTN di alamat www.ptptn.gov.my.
 2. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Dasar Privasi dan Keselamatan PTPTN sebelum melengkapkan borang. Dasar tersebut boleh dirujuk melalui Portal PTPTN atau PPN/ PPC yang berhampiran.
 3. PTPTN merupakan salah satu agensi Kerajaan yang melaksanakan myIDENTITY. Sehubungan itu, sebarang perubahan pada maklumat perhubungan (alamat surat menyurat, nombor telefon mudah alih dan e-mel) akan turut dikemas kini dan digunakan oleh agensi Kerajaan lain yang melaksanakan myIDENTITY (jika berkaitan). Maklumat lanjut berkenaan myIDENTITY boleh dirujuk melalui laman web myIDENTITY di alamat www.myidentity.gov.my.
-

Syarat- syarat permohonan

1. Pemohon dinasihatkan untuk memahami syarat-syarat untuk mendapatkan pengecualian bayaran balik pembiayaan daripada PTPTN.
2. Semua Salinan Dokumen Hendaklah Disahkan Oleh Pegawai Pengesah Salinan Dokumen Yang Layak (*Hanya Pegawai Kumpulan A Bahagian Akademik/ Bahagian Pengurusan Rekod yang mengeluarkan Ijazah pelajar sahaja*).
3. Pemohon dinasihatkan supaya mengemukakan dokumen yang diperlukan yang lengkap kepada PTPTN.
4. Permohonan yang tidak layak dan tidak akan dipertimbangkan kelulusan kelas pertama adalah seperti berikut:
 - 4.1 Diploma/ Sarjana/ PhD
 - 4.2 Mendapat Kepujian Ijazah Kelas Kedua
 - 4.3 Kursus tidak sama dalam Perjanjian
 - 4.4 Kursus yang diikuti tidak mendapat pengiktirafan MQA
 - 4.5 Membuat pelanjutan selain sebab perubahan struktur dan kesihatan
5. Penerima biaya perlu membuat bayaran balik seperti mana yang ditetapkan sehingga permohonan pengecualian bayaran balik diluluskan. Bagi mana-mana penerima biaya yang diluluskan dan telah membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan secara penuh/sebahagian, PTPTN akan membuat pemulangan kepada penerima biaya tersebut setelah ditolak apa-apa kos yang berkaitan (jika ada).
6. Penerima biaya yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan akan dipertimbangkan pengecualian setelah menjelaskan kos-kos guaman yang telah dikenakan.
7. Sekiranya penerima biaya mempunyai pembiayaan pendidikan di peringkat Integrasi/ Diploma dan pembiayaan pendidikan tersebut telah tertunggak, penerima biaya perlu menjelaskan terlebih dahulu tunggakan atau jumlah yang dipersetujui bersama bagi membolehkan permohonan pengecualian bayaran balik diproses.

BIL	SYARAT WAJIB	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
1)	Penerima biaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama Atau Setaraf Dengannya;	1) Borang Permohonan dan Akuan Penerima Biaya Bagi Pengecualian Bayaran Balik Pembiayaan kerana mendapat Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama Atau Setaraf Dengannya;
2)	Penerima biaya mengikuti kursus secara sepenuh masa; dan	2) Salinan Transkrip Peperiksaan; dan
3)	Kursus yang diikuti adalah sama seperti dalam perjanjian.	3) Salinan Ijazah Kelas pertama. Pastikan perkataan KELAS PERTAMA dicatatkan pada Ijazah; dan/ atau 4) Surat Pengesahan Kelas Pertama daripada Bahagian Akademik IPT jika tidak tercatat perkataan KELAS PERTAMA pada Ijazah. <i>*Bagi Program Kerjasama, Surat dikeluarkan oleh IPT yang diluluskan oleh KPT di dalam Surat Kelulusan Pengendalian Kursus bagi Pengiktirafan Transkrip dan Sijil.</i>
BIL	SYARAT WAJIB (Jika Berkaitan)	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
4)	Jika penerima biaya IPTS, kursus yang diikuti mesti mendapat Sijil Perakuan Akreditasi Kelayakan (MQA).	Salinan Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
5)	Jika penerima biaya didapati membuat perlanjutan pengajian, permohonan akan dipertimbangkan bagi dua (2) kes iaitu : i. membuat perlanjutan atas alasan kesihatan; atau	i. Laporan Perubahan daripada Hospital Kerajaan/ Pusat Kesihatan Kerajaan; atau ii. Jika laporan daripada Hospital Swasta, pengesahan perlu dilakukan oleh Hospital Kerajaan.
	ii. buat perlanjutan atas perubahan struktur IPT dengan kebenaran KPT.	i. Surat pengesahan daripada IPT Status Tempoh pengajian; dan ii. Surat kelulusan perubahan tempoh pengajian daripada JPT, KPT.
6)	Jika penerima biaya mendapat tajaan lain selain PTPTN, pelepasan bayaran balik akan dipertimbangkan sekiranya tiada pertindihan tajaan. Jika ada penerima biaya perlu membuat bayaran terlebih dahulu.	Salinan Surat Tawaran Penajaan Lain.
7)	Jika penerima biaya telah menamatkan pengajian lebih awal daripada Perjanjian yang telah ditandatangani, pelepasan bayaran balik akan dipertimbangkan jika	Tiada dokumen tambahan diperlukan.

	didapati penerima biaya tidak menerima bayaran selepas tamat pengajian. Jika ada penerima biaya perlu membuat bayaran terlebih dahulu.	
--	--	--

BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT PENERIMA BIAYA	
Nama	
No. K.P. Baru	<input type="text"/>
Alamat E-mel	
Alamat Surat-Menyurat	
Poskod	<input type="text"/> Bandar <input type="text"/>
Negeri	
Alamat Tetap <i>*Jika berbeza dengan di atas.</i>	
Poskod	<input type="text"/> Bandar <input type="text"/>
Negeri	
No. Telefon (Rumah)	
No. Telefon (Bimbit)	
IPT	
Kursus Ijazah Sarjana Muda yang dipohon pengecualian bayaran balik	
BAHAGIAN 2 – AKUAN PENERIMA BIAYA	
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Dengan Kepujian atau yang setaraf dengannya seperti yang dinyatakan di atas. Segala maklumat yang dikemukakan oleh saya adalah benar dan saya adalah tidak tertakluk kepada mana-mana perkara yang boleh membatalkan permohonan pengecualian bayaran balik.</p> <p>Saya juga maklum bahawa saya boleh didakwa dan pengecualian bayaran balik pembiayaan ditarik balik sekiranya didapati memalsukan sebarang maklumat yang berkaitan dengan pengajian dan permohonan saya ini. Bersama-sama ini juga dilampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan untuk semakan dan pertimbangan pihak tuan selanjutnya.</p>	
Tandatangan Penerima Biaya	
Nama Penerima Biaya	
Tarikh	